

15/08/1997

Laksana mekanisme cukai secara teliti

SARANAN Perdana Menteri untuk menggunakan mekanisme cukai bagi membendung gejala spekulasi dalam pasaran mata wang, adalah langkah bijak tetapi ia perlu dibuat secara terperinci dan berhati-hati.

Kalangan penganalisis dan peniaga mata wang yang dihubungi berkata, ini kerana penggunaan mekanisme cukai di pasaran berkenaan juga mungkin mempunyai kesan negatifnya yang tersendiri jika tidak dibuat secara berhati-hati.

Dalam pada kesemua mereka tidak menafikan cadangan itu sememangnya sesuatu yang logik, mereka juga mengingatkan bahawa ia perlu membabitkan satu sistem atau struktur cukai yang komprehensif bagi memastikan ia berkesan.

Seorang penganalisis berkata, cadangan mengenakan cukai terhadap spekulator mata wang memang boleh menjadi strategi berkesan untuk memastikan kegiatan mereka tidak menjejaskan kedudukan ekonomi sesebuah negara.

Katanya, ini kerana cukai yang dikenakan terhadap mereka akan menyebabkan mata wang tempatan kurang menarik bagi kegiatan spekulasi sekali gus meminimumkan risiko turun naik mendadak.

Bagaimanapun katanya, sistem cukai yang dikenakan itu perlulah dipastikan berkesan di mana saja dan cabaran utama untuk berbuat demikian ialah spekulator ini beroperasi di seluruh dunia.

"Kita mungkin boleh mengawal kegiatan mereka di negara ini tetapi bagaimana dengan tempat lain? Usaha ini sudah tentunya memerlukan komitmen di peringkat global atau sekurang-kurangnya serantau," katanya.

Seorang peniaga mata wang yang mengalu-alukan cadangan itu juga bersetuju bahawa langkah cukai berkenaan perlu dibuat secara berhati-hari kerana mata wang adalah satu komoditi yang sentiasa mempunyai permintaan.

"Ini kerana, tanpa perancangan terperinci, peraturan sedemikian mungkin dilihat sebagai satu langkah yang tidak sejajar dengan liberalisasi pasaran yang kini menjadi agenda sejagat," katanya.

Beliau juga berkata, apabila perkara seumpama itu berlaku, mungkin niat Malaysia mengambil langkah sedemikian dilihat sebagai sekatan oleh peniaga tulen mata wang dan ini menjejaskan kredibiliti negara.

Penganalisis di sebuah bank pula berkata, cadangan Dr Mahathir mengenakan cukai kepada spekulator mata wang memang satu pendekatan yang bijak tetapi ia perlu dibuat selepas kajian impak terperinci mengenainya dibuat.

Kelmarin, Dr Mahathir mengumumkan kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mengenakan cukai terhadap spekulator mata wang, sama seperti sedang dilakukan oleh kerajaan beberapa negara Eropah.

Memberitahu demikian kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada delegasi pemimpin Bosnia-Herzegovina di Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata, kerajaan belum pasti sama ada ia boleh dijayakan atau tidak.

Bagaimanapun katanya, kerajaan sedang mengkaji keadaan semasa dan perkara itu adalah satu daripada aspek yang diteliti dalam usaha memastikan kegiatan spekulator mata wang tidak memberi kesan buruk kepada ekonomi.

(END)